

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN LOKE SIEW FOOK (SEREMBAN)**

**TARIKH : 21 MAC 2022 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 77**

**TUAN LOKE SIEW FOOK [ SEREMBAN ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan secara terperinci mekanisma pelaksanaan subsidi pembelian kerusi keselamatan kanak-kanak seperti yang diumumkan dalam Bajet 2022 dan agensi mana yang akan melaksanakan program ini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Kerajaan di bawah Bajet 2022 telah mengumumkan pemberian subsidi 50 peratus atau sehingga RM150 untuk pembelian kerusi keselamatan kanak-kanak (CRS) oleh keluarga B40. Bagi tujuan pemberian subsidi ini, peruntukan berjumlah RM30 juta telah disediakan untuk tahun 2022 dan bakal memanfaatkan lebih 188 ribu keluarga B40.
2. Dalam hubungan ini, Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) telah melantik Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) sebagai agensi pelaksana bagi program tersebut. Bagi tujuan pengenalannya, program ini akan diberi nama “Program Subsidi Pembelian Kerusi Keselamatan Kanak-Kanak Keluarga Malaysia (MyCRS)”.
3. Perincian mekanisma pelaksanaan Subsidi MyCRS adalah seperti berikut:
  - (i) Kerajaan akan memberi subsidi 50% bagi pembelian produk CRS yang berharga RM300 ke bawah dan RM150 bagi produk CRS berharga RM301 ke atas;
  - (ii) Kumpulan sasar iaitu wakil keluarga B40 akan membuat pembelian dan tuntutan di kedai-kedai menjual produk CRS yang terpilih (yang berdaftar bagi program ini dengan pihak MIROS). Produk CRS yang boleh dijual atau dibeli hanyalah yang mematuhi standard dan peraturan yang telah ditetapkan sahaja. Pembeli akan terus menerima subsidi semasa membuat pembelian CRS daripada kedai berkenaan, iaitu hanya membayar perbezaan harga CRS apabila telah ditolak dengan subsidi yang ditetapkan. Data keluarga B40 ini sedang disemak oleh pihak MIROS dengan rekod dan database keluarga B40 daripada agensi-agensi Kerajaan berkaitan yang mempunyai data seperti pihak Kementerian Kewangan dan Jabatan Kebajikan Masyarakat; dan

- (iii) Pihak kedai atau penjual akan seterusnya mengemukakan tuntutan subsidi daripada Kerajaan melalui MIROS. Pihak MIROS akan memproses setiap tuntutan bagi memastikan kesahihannya dan seterusnya membuat pembayaran subsidi kepada pihak kedai atau penjual.

Sekian, terima kasih.